



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

06 NOVEMBER 2024 (RABU)

Lelaki bawa 13 lembu seludup dicekup

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Sinar Harian	Negeri	26	06 Nov

Lelaki bawa 13 lembu seludup dicekup

PASIR MAS - Seorang lelaki ditahan selepas didapati membawa lembu seludup dari negara jiran dalam Op Taring Wawasan di Kampung Macang Gacoh Meranti, di sini, pada Isnin.

Komander Briged Tenggara PGA, Senior Asisten Komisioner Datuk Nik Ros Azhan Nik Ab Hamid berkata, dalam kejadian jam 2 pagi, sepasukan anggota Batalion 7 Pasukan Gerakan Am (PGA) Kuantan menahan sebuah lori jenis Isuzu dipandu dalam keadaan mencurigakan.

"Hasil pemeriksaan menemui 13 lembu dengan anggaran berat lebih 11,700

kilogram tanpa dokumen sah dipercayai dibawa masuk dari Thailand.

"Suspek lelaki berusia 25 tahun dipercayai menjadi penghantar untuk dijual ke pasaran tempatan ditahan untuk siasatan," katanya pada Selasa.

Menurut Nik Ros Azhan, nilai rampasan keseluruhan dianggarkan berjumlah RM175,500 dan kes disiasat mengikut Seksyen 36(1) Akta Binatang 1953.

Ujarnya, suspek bersama barangan rampasan dibawa ke Kompeni Taktikal (Komtak) PGA Jeram Perdah untuk tindakan lanjut.



Cubaan menghantar 13 lembu dari Thailand tidak berhasil apabila dipatahkan Batalion 7 PGA Kuantan.

Sumbat 'oyen' dalam jaring

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Sinar Harian	Negeri	26	06 Nov

Sumbat 'oyen' dalam jaring



Video tular memaparkan seorang lelaki disyaki menganiaya kucing di sebuah flat di Ampang.

cuba menasihatkan lelaki ini supaya melepaskan semula kucing dalam jaring berkenaan.

"Lelaki terbabit berbuat demikian kerana kucing ini selalu membuang najis di hadapan rumahnya," katanya.

Beliau berkata, pihaknya kini sedang menjalankan tindakan lanjut termasuk mengesan dan mengambil keterangan individu terbabit.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 428 Kanun Keseksaan dan Seksyen 29(1)(e) Akta Kebajikan Haiwan 2015 yang merujuk kepada khianat terhadap binatang serta Seksyen 233 Akta Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM) 1998.

"Orang ramai dinasihatkan supaya tidak melakukan sebarang penganiayaan terhadap haiwan," katanya.

Polis buka kertas siasatan kes aniaya kucing tular

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Astro Awani	Online	-	05 Nov

Polis buka kertas siasatan kes aniaya kucing tular



AMPANG JAYA : Polis membuka kertas siasatan kes membabitkan seorang lelaki warga emas yang mengheret seekor kucing kira-kira 200 meter menggunakan jaring dipercayai kerana selalu membuang najis di hadapan rumahnya.

Rakaman video berdurasi satu minit dan 29 saat perbuatan lelaki berusia 60-an itu menjadi tular di media sosial.

Ketua Polis Daerah Ampang Jaya, Asisten Komisioner Mohd Azam Ismail berkata, pihaknya menerima laporan berhubung kejadian itu daripada seorang wanita warga Indonesia berusia 26 tahun yang menyedari bunyi kucing bisung di luar rumah pada 10 pagi, Jumaat lalu. "Wanita itu yang juga jiran suspek melihat lelaki itu sedang memasukkan kucing berkenaan ke dalam jaring besar sebelum mengheret dari aras rumahnya hingga ke bawah flat.

"Beberapa penduduk juga cuba menasihatkan lelaki itu supaya melepaskan semula kucing yang berada di dalam jaring berkenaan," katanya dalam kenyataan di sini, pada Selasa. berkenaan," katanya dalam kenyataan di sini, pada Selasa.

Mohd Azam berkata, berdasarkan maklumat awal, lelaki yang tinggal bersama isterinya di pangsapuri itu waras dan tiada sebarang masalah kesihatan mental.

Katanya kes disiasat mengikut Seksyen 428 Kanun Keseksaan dan Seksyen 29(1)(e) Akta Kebajikan Haiwan kerana melakukan khianat ke atas binatang serta Seksyen 233 Akta Komunikasi Multimedia Malaysia.

"Orang ramai dinasihatkan supaya tidak terbabit dalam sebarang perbuatan melakukan penganiayaan terhadap mana-mana haiwan," katanya.

Budak mati diserang anjing liar, MDS laksana operasi segera

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Harian Metro	Online	-	05 Nov

Budak mati diserang anjing liar, MDS laksana operasi segera



GAMBAR hiasan

Semporna: Majlis Daerah Semporna (MDS) sedang melaksanakan operasi menangkap anjing liar susulan kanak-kanak berumur dua tahun yang maut dipercayai diserang haiwan itu di Kampung Sungai Tohok di sini, Ahad lalu.

Pegawai Daerah Semporna Alexander Liew berkata, operasi turut mendapat kerjasama Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV), dalam usaha menangani isu anjing liar di beberapa kawasan yang sudah dikenal pasti.

"Untuk kes ini, memang kita sedih kerana ia terjadi di kawasan kampung dan usaha sedang dilaksanakan untuk menghapuskan haiwan liar terutama anjing.

"Walaupun berdepan kekangan, operasi ini akan dilaksanakan secara menyeluruh," katanya yang berharap langkah itu dapat mengurangkan bilangan anjing liar yang mendatangkan ancaman.

Sementara itu, penduduk mendakwa kes serangan anjing liar hingga membawa kematian bukan kejadian pertama di daerah itu.

Sebaliknya, lelaki mahu dikenali Adi, 42, berkata, insiden berkenaan pernah berlaku pada September 2022 membabitkan mangsa wanita tempatan.

Dakwanya, wanita berusia 29 tahun itu ditemui dengan pelbagai kesan gigitan dan kecederaan pada tubuhnya.

"MDS sebagai pihak berkuasa tempatan wajar menjalankan operasi untuk menangkap anjing liar yang berpotensi mengancam keselamatan awam atau menyebarkan penyakit seperti rabies," katanya ketika dihubungi.

Polis tumpaskan kegiatan seludup kasut, beg tangan bernilai lebih RM3 juta

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Bernama	Online	-	05 Nov

POLIS TUMPASKAN KEGIATAN SELUDUP KASUT, BEG TANGAN BERNILAI LEBIH RM3 JUTA



KOTA BHARU, 5 Nov (Bernama) -- Polis menumpaskan kegiatan penyeludupan kasut dan beg tangan pelbagai jenama mewah yang dianggarkan bernilai RM3.1 juta semalam.

Komander Briged Tenggara Pasukan Gerakan Am (PGA) Datuk Nik Ros Azhan Nik Abd Hamid berkata rampasan dilakukan selepas polis mengesan dan menahan sebuah lori jenis Isuzu pada 1.30 tengah hari di Jalan Ismail Petra di Tanah Merah dekat sini.

Beliau berkata hasil pemeriksaan di dalam lori ditemui sebanyak 9,369 pasang kasut pelbagai jenama seperti Nike, Adidas, Timberland dan 1,866 unit beg tangan dengan jenama seperti LV, Chanel, Coach yang disyaki diseludup dari Thailand tanpa dokumen sah.

“Kesemua barangan jenama mewah itu juga disyaki tiruan dan dibawa ke Malaysia untuk pasaran tempatan, manakala pemandu lori ditahan disyaki menjadi penghantar untuk menyeludup kesemua barangan itu.

“Kes disiasat di bawah Akta Cap Dagang 2019 dan kesemua barangan rampasan dibawa ke Komtak (Kompeni Taktikal) Rantau Panjang untuk tindakan selanjutnya,” katanya dalam kenyataan hari ini.

Sementara itu, Nik Ros Azhan berkata PGA merampas sebanyak 13 ekor lembu dianggar bernilai RM175,500 selepas menahan sebuah lori pada kira-kira 2 pagi di Kampung Machang Gacoh Meranti, Pasir Mas.

Beliau berkata kesemua lembu seberat 11,700 kilogram itu dipercayai diseludup dari Thailand tanpa dokumen yang sah.

“Suspek seorang lelaki berusia 25 tahun dipercayai menjadi penghantar untuk menyeludup haiwan itu ke pasaran tempatan dan kes disiasat di bawah Seksyen 36(1) Akta Binatang 1953.

“Kesemua barang rampasan dibawa ke Komtak Jeram Perdah untuk tindakan selanjutnya,” katanya.

-- BERNAMA

Pemandu lori ditahan bawa 13 lembu seludup dari Thailand

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Sinar Harian	Online	-	05 Nov

Pemandu lori ditahan bawa 13 lembu seludup dari Thailand

HAZELEN LIANA KAMARUDIN

05 November 2024 12:11pm

Masa membaca: 1 minit



PASIR MAS - Seorang pemandu lori dicekup Batalion 7 Pasukan Gerakan Am (PGA) Kuantan selepas dipercayai membawa lembu yang diseludup dari Thailand di jalan tali air Kampung Macang Gacoh Meranti di sini pada Isnin.

Tangkapan dan rampasan dilakukan anggota pada jam 2 pagi apabila menahan sebuah lori jenis Isuzu yang dipandu dalam keadaan mencurigakan semasa menjalankan tugas Op Taring Wawasan.

Komander Briged Tenggara PGA, Senior Asisten Komisioner Datuk Nik Ros Azhan Nik Ab Hamid berkata, hasil pemeriksaan mendapati 13 ekor lembu anggaran berat lebih 11,700 kilogram dipercayai diseludup dari Thailand ditemukan di dalam lori tersebut tanpa dokumen yang sah.

"Suspek seorang lelaki berusia 25 tahun dipercayai menjadi penghantar untuk menyeludup lembu tersebut ke pasaran tempatan," katanya pada Selasa.

Menurut beliau, anggaran nilai rampasan keseluruhan bernilai RM175,500 dan kes disiasat bawah Seksyen 36(1) Akta Binatang 1953.

Ujarnya, suspek dan barangan rampasan dibawa ke Kompeni Taktikal (Komtak) PGA Jeram Perdah untuk tindakan selanjutnya.

Dividend despite livestock delivery setback

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
BusinessToday	Online	-	05 Nov

Dividend Despite Livestock Delivery Setback

Summary

Fraser & Neave Holdings reported a 4.9% revenue increase in 2024, driven by domestic operations. Despite a livestock delivery setback, the board recommends a final dividend of 33 sen per share.

November 5, 2024



Fraser & Neave Holdings Berhad reported its full-year group revenue for 2024 which grew by 4.9% to RM5.25 billion, underpinned by higher revenue from domestic operations of Food & Beverages Malaysia and Food & Beverages Thailand (F&B Thailand).

FY2024 Group profit after tax growth remained positive at RM542 million compared to RM536 million in FY20023, this was despite it incurring higher tax expenses and start-up costs from our integrated dairy farm. Excluding non-operating items, Group profit after tax for the year increased by 11.3%. F&B Malaysia's revenue for the year increased 3.5% to RM2.95 billion, mainly driven by strong festive demand supported by successful market penetration and demand-generation campaigns, partly offset by lower exports. Adjusted operating profit (excluding one-off nonoperating items) for F&B Malaysia rose 33.4% to RM305.6 million.

F&B Thailand grew its full-year revenue by 6.7% (5.7% in Thai Baht) to RM2.29 billion while adjusted operating profit (excluding one-off non-operating items) grew by 18.9% (17.8% in Thai Baht) to RM449.9 million, driven by higher volume from successful promotion, and savings in input costs and supply chain.

However the group was disappointed that the delivery of the first batch of livestock from the United States of America (USA), initially planned to depart from a port in Washington State on 29 October 2024, has been cancelled following the receipt of a suspension letter from the Malaysia Department of Veterinary Services (DVS) on 24 October 2024 due to HPAI H5N1 (Avian flu) outbreak concerns.

Commenting on this, Lim Yew Hoe, Chief Executive Officer of F&NHB said the Group is disappointed by recent development despite having taken every precautionary measure necessary to ensure the cattle is disease-free in compliance with the protocol established between Malaysian authorities (DVS) and the United States (US Department of Agriculture and Animal and Plant Health Inspection Service) for the importation of the cattle.

Despite recent setbacks, Lim expressed confidence in the Group's financial strength, solid cash flow position and strategic plans moving forward, adding that the ongoing investments align with the Group's long-term growth strategy, complement existing business operations, and position the Group for future success

Commenting on this, Lim Yew Hoe, Chief Executive Officer of F&NHB said the Group is disappointed by recent development despite having taken every precautionary measure necessary to ensure the cattle is disease-free in compliance with the protocol established between Malaysian authorities (DVS) and the United States (US Department of Agriculture and Animal and Plant Health Inspection Service) for the importation of the cattle.

Despite recent setbacks, Lim expressed confidence in the Group's financial strength, solid cash flow position and strategic plans moving forward, adding that the ongoing investments align with the Group's long-term growth strategy, complement existing business operations, and position the Group for future success

The board recommends a final single tier dividend of 33 sen per share (FY2023: final dividend of 33 sen per share and a special dividend of 17 sen per share).

TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR